

# MENGHAYATI SURAH AN-NAS: TADABBUR DALAM MEMBINA KESEDARAN AKIDAH DAN AKHLAK KANAK-KANAK

**REFLECTING ON SURAH AN-NAS: A TADABBUR-BASED APPROACH TO DEVELOPING CHILDREN'S AWARENESS OF FAITH AND AKHLAK**

**Hanifah Musa Fathullah Harun<sup>1</sup>**

**Suliah Mohd Aris<sup>2\*</sup>**

<sup>1</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS): Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

(Email : hanifah0704@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS): Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

(Email : sulia384@uitm.edu.my)

\*Corresponding author: sulia384@uitm.edu.my

## Article history

**Received date** : 9-7-2025

**Revised date** : 10-7-2025

**Accepted date** : 4-9-2025

**Published date** : 10-9-2025

## To cite this document:

Harun, H. M. F., & Mohd Aris, S. (2025). Menghayati surah an-nas: Tadabbur dalam membina kesedaran akidah dan akhlak kanak-kanak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 470 - 479

**Abstrak:** Penulisan ini bertujuan untuk meneroka pendekatan tadabbur Surah An-Nas dalam pendidikan awal kanak-kanak sebagai usaha membina asas spiritual dan nilai akidah sejak usia muda. Surah An-Nas dipilih kerana kandungannya yang ringkas, mudah dihafal, dan sarat dengan mesej perlindungan rohani serta pengabdian kepada Allah SWT. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan tematik, dengan meneliti ayat dalam Surah An-Nas dan mengaitkannya dengan prinsip psikologi perkembangan kanak-kanak. Hasil kajian menunjukkan bahawa tadabbur Surah An-Nas boleh membantu kanak-kanak mengenal sifat-sifat Allah sebagai pelindung, memahami peranan manusia sebagai hamba, serta menyedari ancaman bisikan syaitan yang halus. Pendekatan tadabbur yang berasaskan kisah, emosi dan aktiviti reflektif didapati berkesan dalam menyampaikan mesej al-Qur'an secara mendalam dan mesra kanak-kanak.

**Kata Kunci:** Tadabbur al-Quran, Pendidikan awal Kanak-kanak, Perlindungan Rohani

**Abstract:** This paper aims to explore the approach of tadabbur (reflective understanding) of Surah An-Nas in early childhood education as an effort to build a strong foundation of spirituality and faith-based values from a young age. Surah An-Nas was selected due to its concise structure, ease of memorization, and rich message of spiritual protection and devotion to Allah SWT. This study adopts a qualitative approach through thematic content analysis, examining the verses of Surah An-Nas and linking them to principles of child developmental psychology. The findings indicate that tadabbur of Surah An-Nas can help children recognize Allah's attributes as the ultimate protector, understand their role as servants of God, and become aware of the subtle threats posed by satanic whispers.

*A tadabbur approach grounded in storytelling, emotional engagement, and reflective activities is found to be effective in delivering the Qur'anic message in a meaningful and child-friendly manner.*

**Keywords:** *Qur'anic Tadabbur, Early Childhood Education, Spiritual Protection*

## Pengenalan

Al-Quran merupakan panduan hidup yang diturunkan oleh Allah SWT untuk seluruh manusia. Ia bukan sekadar bacaan, tetapi ia menjadi sumber utama dalam pembentukan sahsiah, pemikiran, dan hala tuju kehidupan. Berpegang teguh kepada al-Quran adalah asas dalam mendidik jiwa dan membentuk akhlak yang mulia. Salah satu pendekatan penting dalam memahami al-Quran ialah tadabbur iaitu merenung dan menghayati makna ayat-ayat suci agar mesejnya benar-benar meresap ke dalam hati dan diterjemahkan dalam tindakan.

Tadabbur al-Quran memainkan peranan penting dalam membentuk cara berfikir yang matang dan berakhhlak. Melalui proses merenung dan menghayati makna ayat-ayat suci, seseorang akan terdorong untuk berfikir secara mendalam sebelum membuat sebarang keputusan atau tindakan. Ia melatih individu untuk menilai sesuatu dengan hikmah, tidak terburu-buru, dan sentiasa berpandukan nilai-nilai yang diajar oleh al-Quran. Apabila berlaku kesilapan atau tersalah langkah, tadabbur membantu melahirkan rasa penyesalan yang ikhlas, kerana hati yang telah disentuh oleh ayat-ayat Allah akan mudah tersentuh dan ingin kembali kepada kebenaran. Inilah kekuatan tadabbur yang bukan sahaja mendidik jiwa, tetapi mampu membentuk akal yang bijaksana dan tindakan yang lebih berhati-hati

## Masalah Kajian

Dewasa ini, semakin ramai ibu bapa memandang enteng terhadap perkembangan rohani anak-anak. Fokus utama sering diberikan kepada pencapaian akademik dan kemajuan teknologi semata-mata, sehingga nilai-nilai utama yang diajar melalui al-Quran terabai. Ramai menganggap pendidikan moden hanya bermaksud anak-anak pandai membaca, bijak dalam Matematik, Sains dan seumpamanya. Hakikatnya, Islam menggariskan bahawa kecerdikan sebenar bermula dengan mengenal ilmu yang membawa kepada pengenalan terhadap Allah SWT, Malaikat, al-Quran, Rasul dan hari akhirat. Apabila kanak-kanak memahami asas ini, mereka akan lebih bersedia meneroka ilmu dunia dengan panduan yang lebih tepat. Menurut Aminah Mat Yusoff et al. (2024), data daripada e-Pelaporan Kebangsaan 2020 menunjukkan bahawa 2.08% kanak-kanak berusia 10 hingga 12 tahun diklasifikasikan sebagai buta huruf, manakala 68.7% tidak dapat membaca ayat al-Quran dengan sempurna. Faktor utama yang dikenal pasti antaranya termasuk kelemahan dalam kemahiran membaca al-Quran, pengajaran yang kurang berkesan, penekanan terhadap kualiti bacaan yang tidak mencukupi, serta kurangnya konsistensi membaca al-Quran di rumah. Menurut Razali, Ramlan, dan Saidin (2021), tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar sekolah menengah masih berada pada tahap yang membimbangkan. Kajian menunjukkan bahawa 60% pelajar Tingkatan Empat di Terengganu dikategorikan sebagai buta al-Quran, walaupun telah melalui pembelajaran selama enam tahun di sekolah rendah. Keadaan ini bukan sahaja menunjukkan kelemahan dari segi bacaan, tetapi juga memberi implikasi besar terhadap kefahaman isi kandungan al-Quran. Jika pelajar tidak mampu membaca dengan baik, bagaimana proses untuk memahami mesej, hikmah, dan nilai yang terkandung dalam ayat-ayat suci. Selain itu, kajian juga menyatakan bahawa, antara faktor utama yang dikenal pasti termasuk kurangnya usaha

tambahan daripada ibu bapa, serta pengukuhan budaya al-Quran yang tidak bermula di rumah, menjadikan pembacaan berkualiti sukar dicapai.

Hari ini, kanak-kanak terdedah kepada pelbagai pengaruh negatif seperti kandungan media sosial yang tidak terkawal, permainan video yang melalaikan, serta kurangnya penghayatan dalam amalan harian. Implikasinya, ramai antara mereka mudah lalai, cepat terpengaruh, dan sering mengalami keresahan tanpa mengetahui cara untuk bergantung kepada Allah SWT melalui doa dan perlindungan. Laporan UNICEF Our Lives Online (2020) menunjukkan bahawa 91% kanak-kanak Malaysia berusia 13 hingga 17 tahun menggunakan internet setiap hari, dan 70% daripada mereka pernah terdedah kepada kandungan yang tidak selamat buat kanak-kanak. Lebih membimbangkan, lebih 40% enggan meminta bantuan apabila berdepan dengan situasi tersebut. Kajian UNICEF Malaysia pada tahun berikutnya turut mendedahkan bahawa 4% kanak-kanak berusia 12 hingga 17 tahun berdepan ancaman eksplotasi dan penderaan seksual secara maya. Menurut Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA), antara kes yang diterima melibatkan pendedahan kepada kandungan berunsur ‘Dark Side’ di platform X (dahulu Twitter), yang merujuk kepada aktiviti seksual oleh individu atau kumpulan yang menyembunyikan identiti sebenar mereka (Bernama, 2023). Kandungan ini memberi kesan buruk dan membahayakan kepada perkembangan moral dan emosi kanak-kanak. Statistik ini menunjukkan keperluan mendesak untuk bimbingan rohani dan panduan nilai, agar kanak-kanak dapat dilindungi daripada pengaruh negatif media sosial dan belajar bergantung kepada Allah SWT melalui doa dan amalan harian untuk memupuk kefahaman dan penghayatan terhadap nilai-nilai Islam.

Penulisan ini memberi fokus kepada Surah an-Nas sebagai surah utama untuk diterapkan kepada kanak-kanak kerana ia mengandungi tema perlindungan daripada kejahanatan, khususnya gangguan syaitan dan bisikan jahat yang boleh mempengaruhi hati manusia. Surah ini juga pendek dan mudah dihafal, menjadikannya sesuai untuk diajarkan kepada anak-anak sambil memupuk rasa kebergantungan kepada Allah SWT sebagai pelindung yang sebenar. Melalui tadabbur Surah an-Nas, kanak-kanak dapat membina atas kerohanian yang kukuh, memahami peranan doa, serta merasai kehadiran dan perlindungan Allah SWT dalam kehidupan sehari-hari mereka. Pendidikan yang berteraskan al-Quran bukan sahaja membentuk kanak-kanak cemerlang dari segi akademik, tetapi juga memiliki jati diri yang kuat, berakhlik mulia, dan sentiasa berpaut kepada nilai-nilai Islam dalam menghadapi cabaran dunia moden.

## Sorotan Literatur

### Konsep Tadabbur al-Quran Menurut Perspektif Islam.

Menurut Zamroni Ishaq dan Ihsan Maulana Hamid (2021), tadabbur dari segi bahasa bermaksud berfikir, memahami, dan mempertimbangkan baik buruk sesuatu perkara serta akibatnya. Ia juga membawa maksud memikirkan hakikat atau bahagian-bahagian sesuatu perkara, termasuk sebab dan akibatnya. Dalam konteks al-Quran, tadabbur merujuk kepada perenungan dan perhatian yang mendalam terhadap makna yang terkandung dalam ayat-ayat suci. Menurut beliau, Al-Zamakhshari menjelaskan bahawa tadabbur digunakan untuk menggambarkan segala bentuk makna yang tersirat dalam al-Quran. Ia merupakan proses pemikiran yang membawa kepada pengetahuan yang tersirat di sebalik ayat-ayat al-Quran, termasuk pentakwilan yang benar dan makna yang mendalam. Secara umumnya, tadabbur ialah proses meneliti menggunakan deria akal dan hati terhadap makna tersirat yang terkandung dalam al-Quran secara mendalam dan berterusan.

Menurut Budi Suhartawan (2022), KH. Bachtiar Nasir menjelaskan bahawa al-Quran mengandungi hikmah dalam setiap kejadian ciptaan Allah. Hikmah ini hanya dapat difahami melalui proses tadabbur, iaitu merenung dan memikirkan ayat-ayat al-Quran secara mendalam dan konsisten dengan ketajaman mata hati. Tadabbur bertujuan untuk mengambil manfaat dan mengamalkan isi kandungan al-Quran, serta berpegang teguh kepada mesejnya. Ia merupakan usaha serius untuk menemukan pesanan terbaik dan berkualiti daripada al-Quran agar dapat menghias kehidupan berlandaskan wahyu.

Imam al-Ghazali (2001) menekankan bahawa pembacaan al-Quran bukan sekadar melafazkan ayat, tetapi perlu disertai dengan sepuluh amalan batin yang mendalam iaitu memahami ucapan, pengagungan (تعظيم), kehadiran hati atau jiwa, tadabbur, kefahaman, menyingsirkan halangan untuk memahami, takhsis (الخصيص), terkesan, peningkatan, dan penyucian. Beliau menegaskan bahawa seseorang boleh membaca al-Quran tanpa memikirkan hal lain, namun jika tidak mentadabbur, maka pembacaan itu belum mencapai maksud sebenar. Maka, tadabbur adalah inti kepada pembacaan yang berkesan, kerana ia menghubungkan hati dengan wahyu, menjadikan al-Quran sebagai sumber perubahan rohani dan akhlak.

Dalam Tafsir Ibn Kathir (2012) menjelaskan bahawa, Surah An-Nas dimulakan dengan perintah Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW agar memohon perlindungan daripada kejahatan pembisik yang bersembunyi. Ibn Kathir menekankan bahawa surah ini mengandungi tiga sifat utama Allah seperti yang dinyatakan oleh :

- i. *Rabb al-Nas* (Tuhan manusia) – menunjukkan bahawa Allah SWT adalah pemelihara dan pentadbir seluruh manusia.
- ii. *Malik al-Nas* (Raja manusia) – menegaskan kekuasaan mutlak Allah SWT sebagai penguasa segala makhluk.
- iii. *Ilah al-Nas* (Tuhan yang disembah manusia) – menekankan bahawa hanya Allah SWT yang layak disembah dan menjadi tempat bergantung.

Ibn Kathir (2012) menjelaskan bahawa ketiga-tiga sifat ini menunjukkan kesempurnaan Allah SWT dalam aspek *Rububiyyah*, *Malakiyyah* dan *Uluhiyyah*, dan ia menjadi asas kepada permohonan perlindungan daripada kejahatan syaitan. Menurut Ibn Kathir, lafadz “*al-Waswas al-Khannas*” merujuk kepada syaitan yang membisikkan kejahatan ke dalam hati manusia, tetapi akan berundur apabila manusia mengingati Allah SWT. Syaitan ini menyerang secara halus dan tersembunyi, menjadikan manusia lalai dan terpengaruh dengan bisikan jahat. Beliau juga menekankan bahawa bisikan ini datang dari kalangan jin dan manusia, sebagaimana disebut dalam ayat terakhir surah. Ini menunjukkan bahawa ancaman rohani bukan sahaja datang dari makhluk ghaib, tetapi juga dari manusia yang bersifat seperti syaitan — memberi nasihat palsu, menggoda, dan menyesatkan. Kesimpulannya, Ibn Kathir melihat Surah An-Nas sebagai doa perlindungan yang sangat penting, khususnya dalam menghadapi cabaran dalaman yang tidak kelihatan. Ia menjadi benteng rohani yang menghubungkan manusia dengan Allah SWT sebagai pelindung mutlak.

Menurut Dr Wahbah al-Zuhaili dalam Tafsir al-Munir (2023) pengulangan lafadz *al-Nas* bertujuan untuk memuliakan manusia dan menunjukkan bahawa manusia merupakan makhluk yang memerlukan perlindungan secara khusus. Surah ini juga menekankan bahaya waswas (bisikan) yang datang dari syaitan, yang digambarkan sebagai “*Al-Waswas al-Khannas*” yang membawa maksud pembisik yang bersembunyi dan muncul kembali apabila manusia lalai dari mengingati Allah SWT. Bisikan ini menyelinap ke dalam dada manusia, menunjukkan bahawa serangan syaitan adalah dalaman dan halus. Menurut tafsir ini, syaitan menguasai hati manusia

apabila mereka lupa kepada Allah SWT, dan akan berundur apabila manusia berzikir dan mengingati-Nya. Diriwayatkan oleh Anas bin Malik dan juga oleh isteri Nabi SAW, Safiyyah binti Huyay, di mana Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

«إِنَّ الشَّيْطَانَ يُجْرِي مِنَ الْإِنْسَانِ مَجْرِيَ الدَّمِ»

Maksudnya: "Sesungguhnya syaitan itu mengalir dalam tubuh manusia seperti aliran darah".

(Muttafaqun 'alaih. HR. Bukhari no. 3281 dan Muslim no. 2175).

### Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan yang bersifat konseptual. Fokus utama kajian adalah untuk memahami Surah An-Nas melalui pendekatan tadabbur dan mengaitkannya dengan prinsip asas psikologi perkembangan kanak-kanak. Kajian ini tidak melibatkan kerja lapangan atau pengumpulan data empirikal, sebaliknya bergantung sepenuhnya kepada sumber sekunder yang terdiri daripada teks al-Quran dan terjemahannya, penulisan ilmiah berkaitan tadabbur al-Quran, pendidikan Islam, serta teori psikologi kanak-kanak. Pandangan tokoh seperti Imam al-Ghazali, KH. Bachtiar Nasir, Zamroni Ishaq dan Ihsan Maulana Hamid turut dijadikan rujukan untuk memperkuuh pemahaman tentang konsep tadabbur secara umum.

Kaedah analisis yang digunakan ialah analisis kandungan tematik, di mana tema utama Surah An-Nas seperti perlindungan daripada kejahanan, bisikan jahat, dan pengabdian kepada Allah SWT dikenal pasti dan dikaitkan dengan keperluan psikologi kanak-kanak seperti rasa selamat, pembentukan nilai, dan perkembangan emosi. Prosedur kajian melibatkan pengumpulan bahan bacaan yang relevan, penentuan tema utama, sintesis konsep antara tadabbur dan psikologi, serta rumusan cadangan pendekatan pendidikan yang sesuai untuk kanak-kanak. Sebagai tambahan, kajian ini turut menggunakan **model C.E.P.A.T** sebagai kerangka analisis untuk mencadangkan pendekatan pendidikan nilai yang sesuai bagi kanak-kanak. Model ini terdiri daripada lima komponen utama:

- **Cerita** – penggunaan naratif al-Quran seperti kisah Nabi Musa A.S dan Barshisha.
- **Emosi Terkawal** – pengenalan dan pengurusan emosi seperti takut dan bimbang.
- **Pengajaran** – penekanan kepada nilai *ubudiyah* dan perlindungan Allah.
- **Amalan** – cadangan amalan harian seperti bacaan Surah An-Nas dan zikir.
- **Teguh** – aktiviti pengukuhan iman dan keyakinan rohani.

### Dapatan Kajian

Pembelajaran al-Quran kepada kanak-kanak bukan sekadar proses hafazan dan bacaan, tetapi perlu disertai dengan pendekatan tadabbur dan perkembangan psikologi. Secara asasnya, tadabbur ialah proses merenung dan menghayati makna ayat al-Qur'an, manakala psikologi kanak-kanak memberi panduan tentang bagaimana mereka belajar, merasa dan memahami sesuatu secara berperingkat.

Surah An-Nas merupakan surah ke-114 dalam al-Quran, tergolong dalam surah Makkiyyah dan terdiri daripada enam ayat. Ia merupakan surah penutup al-Quran yang mengandungi mesej perlindungan dan pengabdian kepada Allah. Surah ini mengajar manusia untuk berlindung kepada Allah daripada kejahanan bisikan syaitan yang menyelinap ke dalam hati, sama ada dari kalangan jin mahupun manusia (Al-Zuhaily, 2023). Dalam konteks pendidikan kanak-kanak, Surah An-Nas sangat relevan kerana ia menyentuh aspek psikologi dalaman seperti bisikan hati,

rasa takut, dan keperluan kepada perlindungan. Ia juga memperkenalkan tiga sifat utama Allah SWT sebagai Pemelihara (*Rabb*), Penguasa (*Malik*) dan Tuhan yang disembah (*Ilah*) yang membentuk asas kepada konsep *ubudiyyah* atau pengabdian kepada Allah. Melalui pendekatan tadabbur yang sesuai dengan tahap pemikiran kanak-kanak, Surah An-Nas dapat difahami bukan sekadar sebagai hafalan, tetapi sebagai panduan hidup yang membentuk akhlak, kesedaran diri, dan hubungan dengan Allah.

Bagi memastikan pendekatan tadabbur Surah An-Nas kepada kanak-kanak lebih berkesan dan sesuai dengan tahap perkembangan mereka, penulis mencadangkan agar kaedah C.E.P.A.T digunakan sebagai kerangka pelaksanaan. Kaedah ini bukan sahaja membantu kanak-kanak memahami makna ayat secara mendalam, tetapi juga membentuk emosi, nilai dan amalan yang selari dengan ajaran al-Quran (Harun et al., 2025).

Kit Model C.E.P.A.T merupakan aras pembinaan modul pembelajaran yang dibangunkan bagi menyokong pendidikan nilai dan sahsiah secara interaktif. Kit ini direka sebagai medium yang mesra pengguna, mudah difahami serta menepati pendekatan Didik Hibur, yang sesuai digunakan dalam kalangan guru, fasilitator, dan sukarelawan. C.E.P.A.T merupakan akronim kepada lima komponen utama yang merangkumi pendekatan holistik dalam pembelajaran. C.E.P.A.T merupakan akronim kepada lima komponen utama yang merangkumi pendekatan holistik dalam pembelajaran:

**Jadual 1: Kerangka Kit C.E.P.A.T (Harun et al., 2025)**

Komponen	Maksud	Fokus Utama	Aktiviti
C	Cerita	Ceria Belajar : Menyampaikan nilai melalui cerita pendek, animasi atau nyanyian	Tayangan video, perbincangan, nyanyian, aktiviti berkumpulan
E	Emosi Terkawal	Emosi Terkawal : Refleksi emosi dan pemahaman perasaan diri	Kad emosi, penceritaan semula
P	Pengajaran	Praktikal Nilai: Pengukuhan melalui aktiviti kreatif dan kolaboratif	Kraf nilai, pertandingan
A	Amalan	Aktif & Kreatif : Latihan nilai dalam kehidupan harian dan eksplorasi seni	Simulasi, lakonan nilai, senarai tindakan, kuiz, mewarna
T	Teguh	Tadabbur: ayat/hadis dan pengajaran nilai	Menghafaz ringkas, penjelasan maksud dan ibrah

Dalam usaha memperkuuh pendidikan nilai melalui tadabbur al-Quran kepada kanak-kanak, penulis mencadangkan penggunaan **model kit C.E.P.A.T** sebagai pendekatan yang sesuai dan berkesan. Model ini telah dibangunkan berdasarkan prinsip perkembangan psikologi kanak-kanak dan pendekatan nilai Islam, serta diuji keberkesanannya melalui kajian rintis Modul Smart Soleh.

Berikut adalah cadangan papan cerita menggunakan komponen model C.E.P.A.T dalam tadabbur Surah An-Nas:

Komponen	Aplikasi dalam Tadabbur Surah An-Nas
Cerita	Gunakan kisah Nabi Musa A.S. yang dihanyutkan ke Sungai Nil sebagai contoh perlindungan Allah SWT ( <i>Rububiyyah</i> ), dan kisah Barshisha sebagai contoh bisikan syaitan yang halus dan berperingkat. Cerita ini membantu kanak-kanak memahami mesej surah melalui naratif yang menyentuh emosi dan mudah difahami.
Emosi	Bantu kanak-kanak mengenal perasaan seperti takut, bimbang, dan rasa tidak selamat, serta bagaimana Allah SWT sebagai <i>Rabb</i> , <i>Malik</i> dan <i>Ilah</i> menjadi pelindung mereka. Aktiviti seperti kad emosi dan perbincangan terbuka boleh digunakan untuk mengaitkan ayat dengan pengalaman mereka.
Pengajaran	Fokus kepada nilai <i>ubudiyyah</i> , kebergantungan kepada Allah SWT, dan kesedaran terhadap bisikan syaitan. Pengajaran ini boleh disampaikan melalui aktiviti refleksi, peta minda, dan perbincangan kumpulan kecil.
Amalan	Latih kanak-kanak membaca Surah An-Nas sebagai doa perlindungan harian, serta mengamalkan zikir berkaitan dalam situasi yang mencabar. Hafalan boleh dibantu dengan irama atau lagu yang sesuai.
Teguh	Bina keyakinan rohani dan hubungan yang kukuh dengan Allah SWT melalui aktiviti pengukuhan iman

### Contoh Pelaksanaan Pendekatan Tadabbur Kepada Kanak-kanak

Secara khususnya, tiga kategori utama dibincangkan dalam surah ini yang boleh diteliti untuk difahami kanak-kanak, iaitu:

1. Allah SWT – Matlamat *Ubudiyyah*

Firman Allah SWT dalam Surah an-Nas:

فَلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ	<i>Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada Tuhan (yang memelihara dan mentadbir) sekalian manusia.</i>
مَلِكُ النَّاسِ	<i>Raja yang menguasai sekalian manusia.</i>
إِلَهُ النَّاسِ	<i>Tuhan yang disembah oleh sekalian manusia.</i>

Ayat ini menegaskan bahawa Allah memiliki tiga sifat agung: Tuhan Pemelihara (*Rububiyyah*), Penguasa (*Malakiyyah*), dan Tuhan yang disembah (*Ilahiyyah*). Ketiga-tiga sifat ini menunjukkan bahawa Allah SWT adalah tempat perlindungan, pemilik mutlak, dan satu-satunya yang layak disembah. Matlamat utama surah ini ialah membawa manusia kepada *ubudiyyah* (pengabdian) yang tulus kepada Allah SWT.

Usia awal kanak-kanak merupakan fasa yang sangat penting dalam membentuk asas keperibadian, emosi dan spiritual mereka. Menurut Erik Erikson, tiga peringkat awal perkembangan psikososial iaitu *kepercayaan vs ketidakpercayaan*, *kemandirian vs malu dan ragu*, serta *inisiatif vs rasa bersalah* akan menentukan bagaimana kanak-kanak membina keyakinan, kawalan diri dan hala tuju hidup (Baharuddin, 2021). Dalam konteks Islam, memahami tahap-tahap ini membolehkan pendekatan tadabbur al-Quran disesuaikan dengan

keperluan jiwa dan pemikiran mereka. Oleh itu, usia ini bukan sahaja penting untuk perkembangan psikologi, tetapi juga merupakan peluang terbaik untuk mendekatkan kanak-kanak kepada nilai *ubudiyah* dan penghayatan terhadap sifat-sifat Allah SWT yang agung.

Antara pendekatan yang sesuai bagi memahami sifat-sifat Allah SWT ialah dengan menampilkan peristiwa dalam al-Quran yang menunjukkan kekuasaan dan penjagaan-Nya. Contohnya, kisah Nabi Musa A.S. ketika masih bayi dihanyutkan ke Sungai Nil sebagaimana difirmankan Allah SWT dalam Surah al-Qasas ayat 7-9, menggambarkan sifat *Rububiyyah* Allah SWT Yang Maha Memelihara. Walaupun dalam keadaan paling lemah dan tidak berdaya, Allah SWT menjaga Nabi Musa A.S dengan penuh hikmah dengan mengilhamkan ibunya untuk bertindak, memastikan peti itu sampai ke istana Firaun, dan mengatur agar ibunya dapat menyusukannya semula. Kisah ini membuktikan bahawa Allah SWT sentiasa menjaga hamba-Nya, dan ia sangat sesuai untuk dijadikan bahan tadabbur kepada kanak-kanak agar mereka memahami bahawa Allah SWT adalah pelindung yang sentiasa ada bersama mereka, terutama ketika mereka merasa takut atau tidak selamat.

## 2. Manusia – Pelaksana *Ubudiyah*

Manusia disebut berulang kali dalam surah ini untuk menunjukkan:

- Martabat manusia sebagai makhluk yang mulia.
- Manusia sebagai pihak yang memohon perlindungan.
- Manusia sebagai pelaksana *ubudiyah* kepada Allah.

Pengulangan perkataan “النَّاسُ” menekankan bahawa manusia adalah fokus utama dalam ujian dan perlindungan.

## 3. Jin & Syaitan – Cabaran *Ubudiyah*

Firman Allah SWT:

مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ	<i>Dari pada kejahatan pembisik yang timbul tenggelam (yang bersembunyi).</i>
الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ	<i>Yang membisikkan (kejahatan) ke dalam dada manusia.</i>
مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ	<i>Iaitu daripada (golongan) jin dan manusia.</i>

Ayat ini memaparkan bahawa cabaran utama manusia ialah bisikan syaitan, yang datang daripada:

- Jin – makhluk ghaib yang menyesatkan secara halus.
- Manusia – yang bertindak seperti syaitan dengan memberi nasihat palsu dan menggoda.

Perkara ini turut dijelaskan dalam firman Allah SWT dalam Surah al-An‘am: 112 bermaksud:

*“Demikianlah Kami jadikan bagi setiap nabi itu musuh iaitu syaitan manusia dan syaitan jin...”*

Kisah Barshisha menjadi contoh klasik dalam literatur Islam tentang bagaimana syaitan menggoda manusia secara berperingkat dan halus, walaupun individu tersebut memiliki latar belakang ibadah yang kuat. Kisah ini menggambarkan bahawa ketekunan ibadah semata-mata tidak menjamin keselamatan rohani, jika tidak disertai dengan kesedaran terhadap tipu daya syaitan dan kebergantungan mutlak kepada Allah SWT.

Surah An-Nas menekankan bahawa manusia perlu sentiasa memohon perlindungan daripada Allah SWT, kerana syaitan menyerang dari arah yang tidak disedari, termasuk melalui bisikan hati. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah (2:168–169) dan Surah al-A’raf (7:200, 16–17) memperkuatkan mesej ini dengan menyatakan bahawa syaitan adalah musuh nyata yang mengajak kepada kejahatan dan kekejadian, serta berusaha menyesatkan manusia dari pelbagai arah.

Dalam konteks pendidikan awal, surah ini sangat relevan untuk membentuk asas nilai dan kesedaran spiritual kanak-kanak. Bagi menyampaikan mesej ini secara berkesan, pendekatan tadabbur yang disesuaikan dengan tahap perkembangan kanak-kanak amat diperlukan. Model C.E.P.A.T menawarkan satu kaedah yang sistematik dan mesra kanak-kanak, merangkumi lima komponen: Cerita, Emosi Terkawal, Pengajaran, Amalan, dan Teguh. Melalui pendekatan ini, tadabbur bukan sahaja menjadi proses memahami ayat al-Quran, tetapi juga menjadi alat pendidikan nilai yang membina jiwa soleh, ketahanan emosi, dan keyakinan rohani sejak awal usia. Oleh itu, model C.E.P.A.T wajar dijadikan panduan dalam pelaksanaan tadabbur Surah An-Nas kepada kanak-kanak, sama ada di rumah, sekolah, atau institusi pendidikan Islam, bagi melahirkan generasi yang memahami al-Qur'an secara mendalam dan hidup berpandukan nilai-nilainya.

## Kesimpulan

Surah An-Nas merupakan surah yang sangat sesuai untuk pendidikan awal kanak-kanak kerana sifatnya yang pendek, mudah dihafal, dan sarat dengan pengajaran akidah yang mendalam. Melalui pendekatan tadabbur yang berasaskan kisah dan aktiviti, pengajaran al-Quran dapat disampaikan dengan lebih menarik dan mudah dihayati oleh kanak-kanak. Kajian ini menunjukkan bahawa Surah An-Nas bukan sekadar bacaan rutin, tetapi berperanan sebagai terapi jiwa dan benteng kerohanian yang membantu kanak-kanak membina asas spiritual yang kukuh sejak usia muda.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan pembangunan modul tadabbur al-Quran untuk kanak-kanak yang berasaskan kisah, doa, dan aktiviti kreatif agar mereka dapat mengamalkan al-Quran dalam kehidupan sehari-hari. Modul seperti ini perlu diperbanyak dan disebarluaskan supaya kanak-kanak menjadi lebih mesra dengan al-Quran, bukan sahaja mampu membaca tetapi juga memahami makna dan mesejnya. Usaha melahirkan generasi soleh yang berakhlik mulia dan berpaut kepada nilai Islam memerlukan peranan aktif daripada semua pihak termasuk pendidik, ibu bapa, institusi, dan masyarakat secara keseluruhan.

## Penghargaan:

Penghargaan dirakamkan kepada Dar Al-Qari Resources yang membiayai geran penyelidikan bertajuk "Kerangka Modul Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Animasi Kanak-Kanak Berteraskan Pendekatan Tadabbur Al-Quran", Kod Projek: 100-TNCPI/PRI 16/6/2 9049/2024). Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada para penilai atas cadangan yang baik untuk penerbitan artikel ini.

## Konflik Kepentingan

Penulis tidak mempunyai apa-apa konflik kepentingan dengan mana-mana pihak, organisasi atau individu sama ada dari segi kewangan atau kepentingan lain dalam penghasilan artikel ini.

## Rujukan

- Al-Zuhaily, W. (2023) *Tafsir Al-Munir Juz 'Amma*. Selangor ; Intel Multimedia and Publication & Persatuan 'Ulama Malaysia
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (2001). *Ihya 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jld. 1, hlm. 265.
- Aminah Mat Yusoff, Mohd Hisyam Abdul Rahim, Nur Zainatul Nadra Zainol, & Hisham Mat Salleh. (2024). Tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid sekolah rendah: Satu analisis berdasarkan e-Pelaporan Kebangsaan. *Jurnal Pendidikan Islam Malaysia*, 12(1), 45–56.
- Baharuddin, A. (2021). Perkembangan kanak-kanak dalam teori psikososial Erik Erikson. *KaryaSama*. <https://karyasama.com/teori-psikososial-erik-erikson-perkembangan-kanak-kanak/>
- Bernama. (2023, November 20). Kanak-kanak terdedah kepada kandungan ‘Dark Side’ di media sosial – MCCA. Retrieved from <https://www.bernama.com>
- Harun, H. M. F., Aris, S. M., Khalid, M. M., Saidin, N., Ruzulan, Z., Yaakob, M. A. Z., Bhari, A., & Puadah, P. (2025). Keberkesanan Modul Smart Soleh dalam Pendidikan Nilai Kanak-Kanak: Satu Kajian Rintis Berasaskan Model C.E.P.A.T. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 10(74). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. Retrieved from <https://academicinspired.com/jised/issue/view/196>
- Ibn Katsir (2012). *Tafsir Ibn Katsir*. Jilid 10. Jakarta : Pustaka Imam Asy-Syafi'i
- Razali, N. M., Ramelan, S. R., & Saidin, M. (2021). Tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan faktor kelemahan bacaan secara bertajwid. *Jurnal Pendidikan Islam dan Pembangunan Insan*, 9(2), 55–68.
- Suhartawan, B. (2022). Konsep Tadabbur al-Qur'an Perspektif KH. Bachtiar Nasir. *Tafakkur: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 3(1). Retrieved from <https://ejurnal.stiqarrahman.ac.id/index.php/tafakkur/article/view/79>
- UNICEF Malaysia. (2020). *Our Lives Online: Use of social media and its impact on children's wellbeing in Malaysia*. United Nations Children's Fund (UNICEF).
- UNICEF Malaysia. (2021). *Online child protection in Malaysia: Risks and responses*. United Nations Children's Fund (UNICEF).
- Zamroni Ishaq, & Ihsan Maulana Hamid. (2021). Konsep dan metode tadabbur dalam al-Qur'an. Ummul Qura: Jurnal Institut Pesantren Sunan Drajat, 16(2), 1–15.